

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK



中國銀行 马来西亚

BANK OF CHINA (MALAYSIA) BERHAD 200001008645(511251-V)

Pelanggan yang dihormati,

Helaian Pendedahan Produk (HPP) ini memberikan anda maklumat penting tentang perkhidmatan kewangan perniagaan anda dengan Bank of China (Malaysia) Berhad (BOCM). Pelanggan lain telah membaca HPP ini dan mendapati ia berguna; **anda juga harus membacanya.**

① Apakah itu Pembelian Bil Pertukaran / Kuasa Membeli (BEP/AP)?

BEP/AP ialah kemudahan di mana BOCM akan merundingkan/diskaun bil eksport/kutipan domestik/surat kredit yang boleh diterima terhadap risiko kredit pelanggan/institusi kewangan.

Faedah-faedah BEP/AP

- Memperbaiki aliran tunai anda - terima bayaran awal melalui kutipan dokumen/bil kredit yang layak.
- Mengurangkan sekatan modal - mempercepatkan peredaran modal dan mengurangkan sekatan modal.

② Apakah Obligasi Anda?

- BOCM mempunyai hak untuk menuntut bayaran balik daripada anda jika BOCM tidak menerima bayaran penuh.
- Anda hendaklah indemnifi BOCM dan perwakilannya atas permintaan (atas dasar indemniti penuh) terhadap semua liabiliti berhubung dengan kemudahan BEP/AP.

Adalah tanggungjawab anda untuk:



Membaca dan memahami terma dan syarat permohonan BEP/AP sebelum anda menandatangani.



Membayar balik BOCM sebarang pinjaman pembiayaan BEP/AP serta faedah sekiranya pembeli tidak membayar.

③ Kenali Risiko Anda

Apakah risiko utama?

1. Terdedah kepada risiko negara bank pengeluar yang boleh mengakibatkan tiada bayaran atau potensi kelewatan dalam pembayaran.
2. BOCM berurusan dengan dokumen sahaja dan tidak mempunyai obligasi untuk mengesahkan kualiti barangan yang dihantar.

Apa yang berlaku jika anda mengabaikan obligasi anda?

1. Caj lewat bayaran akan dikenakan sekiranya terdapat bayaran tertunggak.
2. Dengan pemberitahuan awal, BOCM boleh menolak sebarang jumlah tertunggak yang perlu dibayar di bawah produk ini dari akaun anda dengan kami.

④ Fi dan Caj

Jenis Perkhidmatan	Harga/ Fi/ Caj (RM atau Mata Wang Asing masing-masing)	Waktu pemprosesan (domestik & rentas sempadan)
Permohonan/ Pembayaran/ Penyelesaian BEP/AP	▪ Faedah pada% setahun (p.a.) ke atas Kos Dana ("COF") mata wang asing masing-masing dan hendaklah dibayar dahulu apabila menerima hasil. ▪ Komisen 0.1% flat tertakluk kepada minimum RM50 setiap bil hendaklah dibayar semasa pembelian. ▪ Fi Pemeriksaan Dokumen: Minimum RM50 (Surat Kredit [LC] tidak rumit) dan maksimum RM200 (LC rumit).	<u>Permohonan & Pemeriksaan Dokumen:</u> Sebelum pukul 2 petang, proses pada hari yang sama; Selepas pukul 2 petang, akan diproses pada hari bekerja berikutnya. <u>Pembayaran/Penyelesaian:</u> Sebelum pukul 5 petang, proses pada hari yang sama.
Nota: ▪ Caj Lain: Sila rujuk kepada surat tawaran yang berkaitan dan Caj Standard kami mengenai Operasi Perkhidmatan Perdagangan Antarabangsa di https://www.bankofchina.com.my/m/en-my/service/information/service-rates-and-tariffs/standard-charges-on-international-trade-services-operations.html untuk senarai penuh fi dan caj; ▪ Fi dan caj di atas adalah tertakluk kepada cukai yang dikenakan; ▪ Pemprosesan hari yang sama tertakluk kepada permohonan BEP/AP dan dokumen adalah lengkap; ▪ Masa pemprosesan yang lebih lama akan digunakan untuk penghantaran pukal.		

⑤ Terma Utama Lain

Adalah penting untuk anda memaklumkan BOCM sebarang perubahan dalam maklumat perhubungan anda untuk memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai BEP/AP kami, anda boleh:



Menghubungi Pusat
Panggilan Pelanggan:
+603-20595566



Mengunjungi Laman Web:
<https://www.bankofchina.com.my/en-my/segment/corporate-banking/trade-services/trade-finance/export-bill-purchase-discount.html>



E-mel ke:
callcenter@my.bank-of-china.com

Sekiranya anda menghadapi kesukaran untuk membuat pembayaran balik, anda boleh menghubungi AKPK di:



Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)

Nombor Perhubungan: +603-2616 7766

E-mel: enquiry@akpk.org.my